Results of the multiple regression (Table 3) produced several findings of interest in relation to the study objectives. In terms of the contribution of the personal/social support factors to empowerment, there was a significant contribution of these factors in predicting empowerment ($R^2 = .25$; $p < .01$). The social support factors contributed an additional 14% of variance ($p < .001$), over and above the sociodemographic traits, while youth voice contributed an additional 12% ($p < .01$) over and above the other variables in the model. In the final model school engagement, extracurricular activities and youth voice effects were found such that adolescents reporting higher in each of the three reported a greater sense of empowerment. In addition, age and income, although controls, were both significant as predictors of empowerment in the final model indicating that older youth who come from higher socioeconomic backgrounds feel more empowered.

Table 3: Standardized Beta Coefficients from Hierarchical Regression Analysis for Empowerment

	Model 1			Model 2			Model 3		
Variable	<i>B</i>	<i>SE</i>	β	<i>B</i>	<i>SE</i>	β	<i>B</i>	<i>SE</i>	β
	<i>B</i>			<i>B</i>			<i>B</i>		
<i>Demographic Controls</i>									
Age	.05	.01	.30**	.04	.01	.21**	.04	.01	.23**
Race – Malay	-.24	.15	-.26	-.23	.14	-.26	-.11	.13	-.12
Race – Chinese	-.22	.15	-.24	-.06	.14	-.06	-.04	.13	-.05
Income	.00	.00	.07	.00	.00	.09	.00	.00	.11*
Gender	.04	.05	.04	.07	.05	.07	.03	.05	.03
<i>Personal/ Social Support Factors</i>									
Religious Salience	-	-	-	.03	.04	.04	.01	.04	.01
Family Cohesion	-	-	-	.03	.04	.05	.01	.04	.01
Parental Monitoring	-	-	-	.03	.03	.05	.01	.03	.02

School Engagement	-	-	-	.17	.04	.22**	.14	.04	.19**
Extracurricular Activities	-	-	-	.19	.04	.27**	.11	.04	.16**
<i>Engagement Factor</i>									
Youth Voice	-	-	-	-	-	-	.29	.04	.38**
R^2	.10**			.25**			.37**		
F for change in R^2	6.78**			10.91**			54.90**		

Note: **p < .01, *p < .05

DISCUSSION

If Malaysian adults and leaders are concerned about young people's future role as leaders and their capacity to effectively execute them, then helping Malaysian youth feel empowered is critical. Empowerment is, in its essence, about participative ownership (Zimmerman, 1995). It means having a place at the table and an authentic role to play in the decision-making of organizations and communities. For Malaysian youth to take on the responsibility of future leadership in a way that will ensure their utmost effort and care, empowering them now at an early age will translate into multiple benefits in the future. With the sense of shared ownership that comes with being empowered, young people will feel that the country is as much theirs as anyone's and they will value it, care for it and do their best to ensure its success and safety.

Although the focus of the article was not on sociodemographic traits as predictors, age and income predicting empowerment is consistent with both the literature and reason as older youth and those with greater financial resources tend to feel more empowered than their younger, less affluent peers (Leung, 2009; Speer, Jackson & Peterson, 2001). Wealthy youth are often afforded more opportunities to participate in programs and activities, as are older youth. Wealth is also related to social status, especially in developing country settings, so naturally those with more social status will have greater feelings of privilege and power. From the personal/social support block of variables, neither family construct nor religious salience predicted empowerment, indicating that although family and religion are institutions that have significant influence on young Malaysian's, there was no evidence that they contribute to sense of empowerment when entered alongside variables such as school engagement, extra-curricular involvement and youth voice. More research is needed to untangle the relationships between family, religion and youth empowerment and how family dynamics and different aspects of religion impact young people's psychological empowerment in the local context.

The role of school engagement and involvement in extra-curricular activities plays an important role in enhancing young people's sense of empowerment in the current study. School is a place where empowerment can be practiced by involving young people in the decisions of the school. Mitra (2008; 2009) has written extensively on the role of youth voice in schools and how it can create meaningful experiences and help to meet fundamental

developmental youth needs such as agency, belonging and competency, especially for students who otherwise do not find meaning in their school experiences. Extra-curricular activities, particularly in the form of youth development programs and after-school programs, are an important forum for young people to take the lead on different types of initiatives and acquire a sense of empowerment. Such programs can foster leadership skills, teamwork, and community and civic engagement. In doing so, young people can acquire a stronger sense of empowerment.

As expected, youth voice was a strong predictor of empowerment in the current study, even after controlling for both the demographic and social support measures. The finding is not only consistent with a wealth of literature emphasizing the importance of youth have a role to play in their organizations, programs and communities, but also says much about the universal role that youth voice can play in youth development settings regardless of context. Although the current study was limited by the fact that we used a uni-dimensional measure of youth voice, there is much that can be learned from the finding on the importance of providing authentic participative experiences for Malaysian youth in youth programs toward facilitating their sense of empowerment. Having a say in the direction of programs that they are involved in matters, and this is something that policy makers and program staff need to consider when programs are being designed and executed. Empowering young people cannot remain at the rhetorical level; there is a need for ensuring that empowerment is infused within each and every youth program offered within the Malaysian youth service. This starts with ensuring that the youth themselves have a significant role to play in the planning and decision-making of such programs so that youth-centered programming becomes the norm rather than the exception.

Future research should expand the sample to include a larger number and breadth of programs and participants and longitudinal rather than cross-sectional research designs should be considered along with qualitative investigations to better understand the processes through which youth empowerment occurs. Further investigation by age, race and gender would provide a better understanding of the nuances within the present data set, and can be used to compare different contributors to empowerment by key demographic traits. Additional predictors of psychological empowerment related to youth development program quality should also be considered in future research such as program engagement, relationships with staff and other adults and the role of the physical setting.

REFERENCES

- Camino, L. A. (2000). Youth-adult partnerships: Entering new territory in community work and research. *Applied Developmental Science*, 4(sup1), 11–20. doi:10.1207/S1532480XADS04Suppl_2
- Cargo, M., Grams, G. D., Ottoson, J. M., Ward, P., & Green, L. W. (2003). Empowerment as fostering positive youth development and citizenship. *American Journal of Health Behavior*, 27(Supplement 1), S66–S79.
- Chinman, M. J., & Linney, J. A. (1998). Toward a model of adolescent empowerment: Theoretical and empirical evidence. *Journal of Primary Prevention*, 18(4), 393–413. doi:10.1023/A:1022691808354
- Christens, B. D. (2012). Toward relational empowerment. *American Journal of Community Psychology*, 50(1-2), 114–128. doi: 10.1007/s10464-011-9483-5
- Christens, B., & Peterson, N. (2012). The role of empowerment in youth development: a study of sociopolitical control as mediator of ecological systems' influence on developmental outcomes. *Journal of Youth and Adolescence*, 41(5), 623–635. doi:10.1007/s10964-011-9724-9
- Cochran, J. K., Wood, P. B., & Arneklev, B. J. (1994). Is the religiosity-delinquency relationship spurious? A test of arousal and social control theories. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 31, 92–123.
- Department of Statistics Malaysia. (2007). *Household Income/Basic Amenities Survey (HIS/BA)*. Retrieved from <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=en>
- Fergus, S., & Zimmerman, M. A. (2005). Adolescent resilience: A framework for understanding healthy development in the face of risk. *Annual Review of Public Health*, 26(1), 399–419. doi:10.1146/annurev.publhealth.26.021304.144357
- Hoge, R., & Zulueta, E. D. (1985). Salience as a condition for various social consequences of religious commitment. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 24(1), 21–38. doi:10.2307/1386273
- Holahan, C. J., & Moos, R. H. (1982). Social support and adjustment: Predictive benefits of social climate indices. *American Journal of Community Psychology*, 10(4), 403–415. doi:10.1007/BF00893979
- Kim, S., Crutchfield, C., Williams, C., & Hepler, N. (1998). Toward a new paradigm in substance abuse and other problem behavior prevention for youth: youth development and empowerment approach. *Journal of Drug Education*, 28(1), 1–17.
- Krauss, S. E., Hamzah, A., Ismail, I. A., Suandi, T., Hamzah, S. R., Dahalan, D., & Idris, F. (2012, forthcoming). Parenting, community and religious predictors of positive and negative developmental outcomes among Muslim adolescents. *Youth & Society*. doi:10.1177/0044118X12464062
- Leung, L. (2009). User-generated content on the Internet: an examination of gratifications, civic engagement and psychological empowerment. *New Media & Society*, 11(8), 1327–1347. doi:10.1177/1461444809341264

- Maton, K. I., & Salem, D. A. (1995). Organizational characteristics of empowering community settings: A multiple case study approach. *American Journal of Community Psychology*, 23(5), 631–656. doi:10.1007/BF02506985
- McNeely, C. A., Nonnemaker, J. M., & Blum, R. W. (2002). Promoting school connectedness: evidence from the National Longitudinal Study of Adolescent Health. *The Journal of School Health*, 72(4), 138–146.
- Messias, D. K. H., Fore, E. M., McLoughlin, K., & Parra-Medina, D. (2005). Adult roles in community-based youth empowerment programs: Implications for best practices. *Family and Community Health*, 28, 320–337.
- Mitra, D. L. (2008). Balancing power in communities of practice: An examination of increasing student voice through school-based youth–adult partnerships. *Journal of Educational Change*, 9(3), 221–242. doi:10.1007/s10833-007-9061-7
- Mitra, D. L. (2009). Collaborating with students: Building youth–adult partnerships in schools. *American Journal of Education*, 115(3), 407–436.
- Moos, R.H. (1974). *Evaluating treatment environments: A social ecological approach*. New York: Wiley.
- Nga, J.L.H. (2009). The roles of youth organisations in Malaysia's political development. Unpublished PhD dissertation. Leeds, UK: The University of Leeds.
- Ozer, E. J., & Schotland, M. (2011). Psychological empowerment among urban youth measure development and relationship to psychosocial functioning. *Health Education & Behavior*, 38(4), 348–356. doi:10.1177/1090198110373734
- Peterson, N. A., Peterson, C. H., Agre, L., Christens, B. D., & Morton, C. M. (2011). Measuring youth empowerment: validation of a Sociopolitical Control Scale for Youth in an urban community context. *Journal of Community Psychology*, 39(5), 592–605. doi:10.1002/jcop.20456
- Small, S. A., & Kerns, D. (1993). Unwanted sexual activity among peers during early and middle adolescence: Incidence and risk factors. *Journal of Marriage and Family*, 55(4), 941–952. doi:10.2307/352774
- Speer, P. W., Jackson, C. B., & Peterson, N. A. (2001). The relationship between social cohesion and empowerment: support and new implications for theory. *Health Education & Behavior*, 28(6), 716–732. doi:10.1177/109019810102800605
- Wilcox, W. B., Lippman, L., & Whitney, C. (2009). *World family map project: Prototype report*. Washington, DC: Child Trends. Retrieved from http://www.childtrends.org/Files/Child_Trends-2009_08_01_FR_FamilyMap.pdf
- Youngblade, L. M., Theokas, C., Schulenberg, J., Curry, L., Huang, I., & Novak, M. (2007). Risk and promotive factors in families, schools, and communities: A contextual model of positive youth development in adolescence. *Pediatrics*, 119(1), S47–S53.

- Zeldin, S., Christens, B. D., & Powers, J. L. (2012, forthcoming). The psychology and practice of youth-adult partnership: Bridging generations for youth development and community change. *American Journal of Community Psychology*.doi:10.1007/s10464-012-9558-y
- Zimmerman, M. A. (1995). Psychological empowerment: Issues and illustrations. *American Journal of Community Psychology*, 23(5), 581–599. doi:10.1007/BF02506983

PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI AGRO-PELANCONGAN DI KALANGAN KOMUNITI DESA WAWASAN NELAYAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Mahazan Muhammad, Azimi Hamzah, Sulaiman Md. Yassin, Bahaman Abu Samah, HayrolAzril Mohamed Shaffril, Neda Tiraieyari, dan Jeffrey Lawrence D'Silva

Institut Pengajian Sains Sosial,
Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan dan Persatuan Nelayan Negeri telah mewujudkan satu produk pelancongan baru yang dinamakan agro-pelancongan nelayan di Desa Wawasan Nelayan. Penglibatan komuniti setempat dalam program agro-pelancongan ini adalah penting kerana ianya kunci kejayaan kepada program ini yang secara tidak langsung berpotensi memberi impak positif kepada ekonomi dan memperkasakan komuniti setempat. Oleh kerana itu, kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji tahap penglibatan penduduk Desa Wawasan Nelayan dalam aktiviti agro-pelancongan di tempat mereka. Sejumlah seribu seratus (1100) responden dipilih secara rawak dari sepuluh (10) buah kampung di semenanjung Malaysia yang tersenarai sebagai Desa Wawasan Nelayan. Dapatan kajian hasil analisis yang dibuat menggunakan perisian SPSS menunjukkan tahap keseluruhan penglibatan komuniti Desa Wawasan Nelayan dalam aktiviti agro-pelancongan adalah pada tahap yang sederhana ($M=2.70$, $S.P=.78$). Manakala bagi analisis perkaitan dan perbezaan, hasil kajian mendapati bahawa terdapatnya perkaitan yang signifikan bagi pembolehubah umur ($p=.001$) dan pendapatan bulanan ($p=.000$) terhadap penglibatan penduduk dalam aktiviti agro-pelancongan pada nilai keertian $p<.01$. Bagi perbezaan pula, terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam penglibatan penduduk berdasarkan pembolehubah jantina ($t=6.843$, $p=.000$), status perkahwinan ($t=-4.131$, $p=.000$), keahlian dalam organisasi ($t=-11.867$, $p=.000$), dan kesedaran terhadap program Desa Wawasan Nelayan ($t=-7.614$, $p=.000$) pada nilai keertian $p<.05$. Berdasarkan hasil kajian ini, dicadangkan supaya pihak yang berkaitan meningkatkan usaha untuk melibatkan komuniti tempatan dalam program agro-pelancongan yang dibuat di kawasan mereka supaya impak positif ekonomi dan sosial-budaya dapat diperolehi oleh komuniti setempat. Secara tidak langsung dapat mendidik dan memperkasakan komuniti setempat sekaligus dapat mewujudkan industri agro-pelancongan yang mampan.

Pengenalan

Industri pelancongan dan sektor pertanian adalah dua bidang yang berbeza, tetapi boleh diintegrasikan dalam banyak cara, antaranya ialah agro-pelancongan. Menurut Eduardo dan Francisco (2006), agro-pelancongan adalah salah satu daripada jenis pelancongan desa yang merujuk kepada aktiviti rekreasi yang dianjurkan oleh komuniti kawasan tersebut bagi tujuan pelancongan. Komuniti desa yang kebanyakan penduduknya menjadikan sektor pertanian sebagai pekerjaan utama mempunyai potensi sebagai destinasi pelancongan kerana keunikan

kehidupan setempat dan landskap alam semulajadi yang menjadi daya tarikan pelancong (Richard dan Hall, 2000).

Sejak dahulu lagi pembangunan pelancongan dan resort di Malaysia telah tertumpu di kawasan berhampiran sungai dan pantai (Badaruddin, 2006). Kini Malaysia, melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membangunkan satu lagi produk baru pelancongan berasaskan konsep Agro-Pelancongan Nelayan melalui Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti sukan memancing, kelong, homestay, chelet nelayan medan ikan bakar dan sebagainya yang mana semuanya berasaskan kepada keistimewaan dan keindahan perkampungan nelayan yang dijadikan aset dan tarikan untuk memenuhi citarasa dan pilihan setiap pengunjung. Antara tujuan utama program ini adalah untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada komuniti nelayan dalam industri pelancongan, meningkatkan kemahiran nelayan dalam bidang pelancongan dan keusahawanan, meningkatkan nilai tambah sumber perikanan kepada industri hiliran, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di perkampungan nelayan tradisional, dan yang terakhir untuk menggalakkan rakyat tempatan dan pelancong asing datang melancong dalam negara, sekaligus dapat menambah pendapatan negara melalui pertukaran wang asing (LKIM, 2007).

Usaha untuk mewujudkan sebuah komuniti nelayan yang berkemahiran dan maju ianya tidak terhad hanya kepada kelompok nelayan sahaja, tetapi memerlukan penglibatan daripada kesemua komuniti itu sendiri (Muhammad et.al., 2012). Penglibatan komuniti dalam program agro-pelancongan adalah penting kerana ianya satu bentuk perhubungan antara komuniti dan program perancangan agro-pelancongan yang akan membawa aspirasi dan keperluan komuniti dan hasilnya akan dapat mendidik dan memperkasakan komuniti setempat (Tosun, 2000). Sebaliknya, sekiranya terlalu sedikit atau tiada penglibatan komuniti setempat dalam program pembangunan agro-pelancongan di kawasan mereka akan menyebabkan komuniti tersebut tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sebarang keputusan yang berkaitan dengan aktiviti agro-pelancongan (Scheyvens, 2000), dan lebih buruk lagi ia boleh membawa kepada konflik dan masalah di antara komuniti setempat dan pihak yang terlibat (Muhammad et. al., 2012; Emily 2009; Millar dan Aiken 1995).

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengukur tahap penglibatan komuniti nelayan di dalam aktiviti agro-pelancongan di kawasan mereka. Kajian ini juga mengukur perkaitan dan mengukur perbezaan antara faktor demografi terpilih terhadap penglibatan responden dalam agro-pelancongan

Metodologi

Data kajian ini telah dikumpulkan melalui kaedah borang soal-selidik yang dijalankan ke atas 1100 responden yang dipilih secara rawak daripada sepuluh (10) buah kampung Desa Wawasan Nelayan (DWN) dengan bantuan beberapa orang enumerator. Lokasi kajian dipilih berdasarkan senarai Desa Wawasan Nelayan yang diperolehi dari LKIM yang menyenaraikan perkampungan nelayan yang telah memenangi anugerah Desa Wawasan Nelayan di

peringkat negeri dan kebangsaan sepanjang tahun 2007 hingga 2009. Sejumlah 110 responden dipilih secara rawak dari setiap kampung Desa Wawasan Nelayan. Jumlah responden berserta sepuluh (10) kampung tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Senarai lokasi kajian dan jumlah responden

Lokasi	Jumlah Responden
DWN Kampung Rhu Sepuluh, Setiu, Terengganu	110
DWN Kampung Sempang Pantai, Merlimau, Melaka	110
DWN Kampung Tanjung Piai, Pontian, Johor	110
DWN Kampung Sedeli Kecil, Kota Tinggi, Johor	110
DWN Kampung Kuala Sungai Yan, Yan, Kedah	110
DWN Kampung Kuala Sungai Baru, Simpang Empat, Perlis	110
DWN Kampung Pantai Suri, Tumpat, Kelantan	110
DWN Kampung Tok Adam, Tanjung Karang, Selangor	110
DWN Kampung Jawa, Rompin, Pahang	110
DWN Kampung Kuala Pahang, Pekan, Pahang	110
Jumlah keseluruhan	1100

Dalam kajian ini, responden telah memberikan respons dengan memilih salah satu daripada lima skor pilihan jawapan (Sangat tidak setuju=1; tidak setuju=2; sederhana setuju=3; setuju=4; dan sangat setuju=5), melainkan bahagian demografi yang memerlukan responden untuk memilih satu jawapan yang menggambarkan diri mereka. Perisian SPSS telah digunakan untuk menganalisis data secara statistik. Analisis data secara deskriptif dibuat untuk melaporkan penemuan yang diperolehi daripada soal-selidik. Untuk mengukur tahap pembolehubah penglibatan, jumlah skor tersebut kemudiannya dibahagikan kepada tiga (3) tahap, iaitu: rendah (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.66), dan tinggi (3.67-5.00). Seterusnya ujian-t, anova dan kolerasi dijalankan untuk mencari perbezaan dan perkaitan antara faktor terpilih terhadap penglibatan penduduk dalam agro-pelancongan.

Hasil Kajian

Secara keseluruhannya, jumlah responden yang mengisi borang soal selidik kajian ini ialah seramai 1100 responden. Analisis data menunjukkan 50.2% responden kajian terdiri daripada lelaki dan 49.8% adalah perempuan. Taburan kategori umur bagi responden dalam kajian ini menunjukkan majoriti responden adalah berumur antara 41-60 tahun iaitu sebanyak 40.8%, diikuti oleh 35.8% responden berumur antara 21-40 tahun, manakala 11.9% berumur antara 61-80 tahun, 11.3% berumur 20 tahun ke bawah, dan hanya 0.2% sahaja daripada keseluruhan responden yang berumur 81 tahun ke atas. Data kajian juga menunjukkan majoriti (76.5%) responden adalah terdiri daripada yang berkahwin, manakala 18.9% adalah bujang dan hanya 4.6% yang telah bercerai atau berpisah. Dari segi tahap pendidikan, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 33.8% responden hanya mendapat pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja. Manakala 29.4% pula hanya menamatkan pendidikan

sehingga tahap SPM/SPMV/MCE, 21% menamatkan pendidikan sehingga tahap PMR/SRP/LCE dan 10.4% daripada responden tidak mendapat pendidikan secara formal.

Jadual 1: Latar belakang demografi responden

Profil Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)	<i>M</i>	<i>S.P</i>
Jantina				
Lelaki	552	50.2		
Perempuan	548	49.8		
Jumlah keseluruhan	1100	100.0		
Umur			42.0	15.80
< 20 tahun	124	11.3		
21 – 40 tahun	394	35.8		
41 – 60 tahun	449	40.8		
61 – 80 tahun	131	11.9		
> 81 tahun	2	0.2		
Jumlah keseluruhan	1100	100.0		
Status Perkahwinan				
Bujang	208	18.9		
Berkahwin	841	76.5		
Berceraai/berpisah	51	4.6		
Jumlah keseluruhan	1100	100.0		
Taraf Pendidikan				
Tidak bersekolah	114	10.4		
Sekolah rendah	372	33.8		
PMR/SRP/LCE	231	21.0		
SPM/SPMV/MCE	323	29.4		
Sijil kemahiran	19	1.7		
STPM/Diploma	28	2.5		
Ijazah/Master/PhD	13	1.2		
Jumlah keseluruhan	1100	100.0		
Pendapatan			836.13	935.11
< RM1000	881	80.1		
RM1001 – RM2000	158	14.4		
RM2001 – RM3000	36	3.3		
RM3001 – RM4000	10	0.9		
RM4001 – RM5000	7	0.6		
> RM5001	8	0.7		
Jumlah keseluruhan	1100	100.0		

Analisis data juga menunjukkan bahawa kebanyakan (80.1%) responden berpendapatan kurang daripada RM1,000, diikuti yang berpendapatan di antara RM1,001-RM2,000 sebanyak 14.4%, dan RM2,001-RM3,000 sebanyak 3.3%, dengan min keseluruhan pendapatan responden iaitu 836.13 (S.P=935.110). Taburan keseluruhan latar belakang responden kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 3: Taburan peratusan dan min bagi setiap pernyataan berkaitan penglibatan dalam agro-pelancongan

Bil.	Pernyataan	1	2	3	4	5	<i>M</i>	<i>S.P</i>
1.	<i>Saya terlibat dalam aktiviti perikanan di kawasan ini (cth: nelayan, penternakan ikan dalam sangkar)</i>	55. 2	7.8	3.7	10. 5	22. 7	2.38	1.71
2.	<i>Saya terlibat dalam aktiviti perlancongan di sini (cth: bot pelancong, pemandu pelancong, bot memancing)</i>	75. 0	8.0	4.3	7.4	5.4	1.60	1.19
3.	<i>Saya terlibat dalam aktiviti pertanian selain daripada perikanan di kawasan ini</i>	67. 1	8.5	4.6	13. 4	6.4	1.83	1.34
4.	<i>Saya sering terlibat dengan mesyuarat berkenaan dengan pembangunan aktiviti agro-perlancongan di kawasan ini</i>	51. 4	14. 1	8.0	18. 6	7.9	2.18	1.42
5.	<i>Saya berkerjasama dengan agensi berkenaan dalam mengukuhkan aktiviti perlancongan di sini</i>	45. 2	13. 5	10.3	21. 5	9.6	2.37	1.47
6.	<i>Penglibatan saya dalam aktiviti/projek agro-perlancongan bukan dipengaruhi oleh sesiapa, ia adalah kemahuan saya sendiri</i>	41. 9	12. 2	8.9	23. 9	13. 1	2.54	1.53
7.	<i>Saya sering mempromosi produk tempatan kepada pelancong luar</i>	23. 8	12. 7	9.2	36. 2	18. 1	3.12	1.47
8.	<i>Saya terlibat dalam aktiviti keusahawanan di kawasan ini (cth: menghasilkan produk tempatan, berniaga)</i>	45. 5	13. 6	5.3	24. 5	11. 2	2.42	1.52
9.	<i>Saya terlibat dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar di kawasan ini</i>	4.5	3.5	7.2	46. 9	37. 9	4.10	.99

10. Saya mengambil berat dan terlibat dalam aktiviti kebersihan kampung ini	.5	1.2	4.1	43. 7	50. 5	4.42	.68
---	----	-----	-----	----------	----------	------	-----

Dalam kajian ini, penglibatan penduduk dalam agro-pelancongan di kawasan mereka diukur berdasarkan analisis terhadap sepuluh (10) pernyataan. Apabila dianalisis berdasarkan setiap pernyataan (Jadual 3), majoriti responden memilih sangat tidak setuju bagi pernyataan kedua (75.0%), pernyataan ketiga (67.1%), pernyataan pertama (55.2%), pernyataan keempat (51.4%), pernyataan kelapan (45.5%), pernyataan kelima (45.2%), dan pernyataan keenam (41.9%). Manakala selebihnya memilih sangat setuju terhadap pernyataan kesepuluh (50.5%), dan memilih setuju terhadap dua pernyataan iaitu pernyataan kesembilan (46.9%) dan pernyataan ketujuh (36.2%). Bagi analisis min setiap pernyataan, dapatan menunjukkan min paling tinggi ($M=4.42$) pada pernyataan kesepuluh dan min paling rendah ($M=1.60$) pada pernyataan kedua.

Secara keseluruhannya, majoriti responden (47.4%) mempunyai tahap penglibatan dalam agro-pelancongan pada tahap sederhana ($M=2.70$, $S.P=.78$), ini memberi gambaran bahawa komuniti setempat mempunyai penglibatan dalam aktiviti agro-pelancongan tetapi dengan skala yang sederhana. Jadual 4 menunjukkan tahap bagi pembolehubah penglibatan di kalangan komuniti perkampungan nelayan.

Jadual 4: Tahap penglibatan secara keseluruhan

	Bil	%	M	$S.P$
			2.70	.78
Rendah (1.00 – 2.33)	424	38.5		
Sederhana (2.34 – 3.67)	521	47.4		
Tinggi (3.68 – 5.00)	155	14.1		
Jumlah keseluruhan	1100	100.0		

Bagi mengukur perkaitan antara faktor demografi (umur, pendapatan bulanan dan bilangan isi rumah) terhadap penglibatan dalam aktiviti agro-pelancongan, analisis kolerasi pearson telah digunakan. Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat dua pembolehubah mempunyai perkaitan yang signifikan pada nilai keertian $p<.01$. Pembolehubah umur ($r=.102^{**}$, $p=.001$) mempunyai perkaitan yang signifikan, namun tahap perkaitannya hampir tiada hubungan dan positif. Manakala bagi pembolehubah pendapatan bulanan ($r=.192^{**}$, $p=.000$), didapati terdapat perkaitan yang signifikan, hubungan yang hampir tiada hubungan dan positif.

Jadual 5: Perkaitan faktor demografi terhadap penglibatan

	<i>R</i>	<i>p</i>
Umur	.102**	.001
Pendapatan Bulanan	.192**	.000
Bilangan Isi Rumah	-.044	.148

Nota: ** Perkaitan pada aras keertian 0.01 (2-tailed)

Kesimpulannya semakin meningkat usia umur dan pendapatan bulanan seseorang penduduk kampung, maka semakin tinggi penglibatan mereka dalam aktiviti agro-pelancongan. Walaubagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pembolehubah bilangan isi rumah ($r=-.044$, $p=.148$) terhadap penglibatan dalam program agro-pelancongan.

Bagi melihat perbezaan penglibatan penduduk di antara faktor demografi terpilih, maka ujian-t telah dijalankan. Berdasarkan Jadual 6, terdapat perbezaan yang signifikan bagi jantina di antara lelaki dan perempuan, di mana lelaki ($M=2.85$, $S.P=.74$) adalah lebih tinggi berbanding perempuan ($M=2.54$, $S.P=.79$) [$t=6.843$, $p=.000$]. Manakala, bagi status perkahwinan pula, terdapat perbezaan yang signifikan bagi status perkahwinan di antara bujang/berpisah dan berkahwin, di mana berkahwin ($M=2.75$, $S.P=.79$) dan bujang/berpisah ($M=2.52$, $S.P=.74$) [$t=-4.131$, $p=.000$]. Jadual 5 juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi keahlian dalam persatuan/organisasi di antara yang menjadi ahli dan tidak menjadi ahli, di mana yang menjadi ahli ($M=2.95$, $S.P=.76$) lebih tinggi daripada yang tidak menjadi ahli dalam persatuan/organisasi ($M=2.42$, $S.P=.71$) [$t=-11.867$, $p=.000$]. Bagi perbezaan kesedaran terhadap program Desa Wawasan Nelayan pula, terdapat perbezaan yang signifikan di antara yang tahu ($M=2.86$, $S.P=.79$) dan yang tidak tahu ($M=2.51$, $S.P=.74$) [$t=-7.614$, $p=.000$]. Secara keseluruhannya, terdapat perbezaan yang ketara dalam penglibatan penduduk berdasarkan faktor jantina, status perkahwinan, keahlian dalam organisasi, dan kesedaran terhadap program Desa Wawasan Nelayan pada nilai keertian $p<.05$.

Jadual 6: Perbezaan penglibatan berdasarkan faktor jantina, status perkahwinan, keahlian dalam persatuan dan kesedaran terhadap program DWN menggunakan analisis ujian-t

	N	Min	<i>S.P</i>	<i>t</i>	<i>p</i>
Jantina				6.843	.000
1. Lelaki	552	2.85	.74		
2. Perempuan	548	2.54	.79		
Status Perkahwinan				-4.131	.000
1. Bujang/berpisah	259	2.52	.74		
2. Berkahwin	841	2.75	.79		
Keahlian dalam Persatuan/Organisasi				-11.867	.000

1. Tidak menjadi ahli	532	2.42	.71		
2. Menjadi ahli	568	2.95	.76		
Kesedaran Terhadap Program				-7.614	.000
Desa Wawasan Nelayan					
1. Tidak tahu	507	2.51	.74		
2. Tahu	593	2.86	.79		

Nota: * aras keertian pada .05

Bagi melihat perbezaan peglibatan berdasarkan tahap pendidikan responden, analisis anova sehala telah dibuat bagi melihat perbezaan yang signifikan berdasarkan empat kumpulan tahap pendidikan iaitu kumpulan tidak bersekolah, kumpulan sekolah rendah, kumpulan PMR/SRP/LCE, dan kumpulan SPM dan ke atas (Jadual 7). Secara keseluruhannya, analisis mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan [$F=1.875$, $p=.132$] bagi perbezaan tahap pendidikan terhadap penglibatan dalam aktiviti agro-pelancongan.

Jadual 7: Perbezaan responden berdasarkan tahap pendidikan terhadap penglibatan dalam agro-pelancongan berdasarkan analisis anova

	n	<i>M</i>	<i>S.P</i>	<i>F</i>	<i>p</i>
Tahap Pendidikan				1.875	.132
1. Tidak bersekolah	114	2.57	.82		
2. Sekolah rendah	372	2.71	.75		
3. PMR/SRP/LCE	231	2.65	.78		
4. SPM dan ke atas	383	2.75	.80		

Nota: * aras keertian pada .05

Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati responden yang terdiri daripada lapan kampung dalam komuniti Desa Wawasan Nelayan mempunyai tahap penglibatan dalam aktiviti agro-pelancongan pada tahap sederhana ($M=2.70$, $S.P=.78$). Dapatan kajian juga mendapati program agro-pelancongan belum lagi berjaya membawa perubahan ketara yang membawa kebaikan kepada komuniti pesisir pantai khususnya kepada komuniti Desa Wawasan Nelayan. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan pernyataan dalam soalan soal selidik yang berkaitan dengan penglibatan mereka dalam sebarang aktiviti pelancongan seperti membawa bot memancing dan bot pelancong ($M=1.60$), penglibatan dalam aktiviti keusahawanan ($M=2.42$), penglibatan dalam mesyuarat yang berkaitan dengan pembangunan agro-pelancongan ($M=2.18$) dan kerjasama dengan agensi berkaitan dalam mengukuhkan program agro-pelancongan ($M=2.37$) semuanya pada aras yang rendah dan dapatan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Eshliki dan Kaboudi (2011) yang mendapati majoriti responden mengambil bahagian dalam pembangunan pelancongan yang akan memberikan manfaat

kepada mereka ($M=4.27$). Mengikut Kalsom dan Nor (2006), rendahnya tahap penglibatan komuniti dalam program pelancongan mungkin disebabkan kerana komuniti tempatan hanya memegang jawatan dalam persatuan atau organisasi yang berkaitan dengan program pelancongan, tetapi program dan aktiviti pelancongan sebenarnya dimonopoli oleh orang luar. Manakala Zainal (2007), menyatakan penglibatan komuniti setempat adalah rendah mungkin disebabkan oleh lemahnya kerjasama dan hubungan di antara kepimpinan kampung dan individu dalam masyarakat. Akibatnya, manfaat daripada aktiviti agro-pelancongan tidak diperolehi oleh komuniti setempat terutama yang melibatkan peluang perniagaan dan pekerjaan (Muhammad et. al., 2012). Walaubagaimanapun, dapatan kajian mendapati majoriti responden sangat setuju dan setuju untuk mengambil berat tentang kebersihan kampung ($M=4.42$) dan pemuliharaan alam sekitar kampung mereka ($M=4.10$) dengan melibatkan diri dalam aktiviti gontong-royong membersihkan kampung dan pantai serta aktiviti pemuliharaan alam sekitar untuk tujuan kebersihan dan tarikan pelancongan.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapatnya perkaitan yang signifikan bagi faktor demografi; umur ($p=.001$) dan pendapatan bulanan ($p=.000$) terhadap penglibatan penduduk dalam aktiviti agro-pelancongan pada nilai keertian $p<.01$, namun tahap perkaitannya menghampiri tiada hubungan ($r=.102^{**}$ dan $r=.192^{**}$). Walaubagaimanapun, bagi pembolehubah bilangan isi rumah, ianya menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan ($r=-.044$, $p=.148$) terhadap penglibatan penduduk dalam aktiviti agro-pelancongan di tempat mereka.

Analisis data menggunakan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam penglibatan penduduk berdasarkan faktor jantina ($t=6.843$, $p=.000$), status perkahwinan ($t=-4.131$, $p=.000$), keahlian dalam organisasi ($t=-11.867$, $p=.000$), dan kesedaran terhadap program Desa Wawasan Nelayan ($t=-7.614$, $p=.000$) pada nilai keertian $p<.05$. Walaubagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($F=1.875$, $p=.132$) bagi empat (4) kumpulan tahap pendidikan terhadap penglibatan penduduk dalam aktiviti agro-pelancongan.

Kesimpulan

Program agro-pelancongan di perkampungan nelayan khususnya Desa Wawasan Nelayan adalah satu produk baru yang diwujudkan oleh LKIM. Tujuan program ini dibangunkan adalah untuk mempromosikan keindahan semulajadi serta keunikan perkampungan nelayan di Malaysia, secara tidak langsung akan dapat mendatangkan pendapatan sampingan buat keluarga nelayan. Walaubagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan penduduk dalam program agro-pelancongan ini masih pada tahap yang sederhana. Kajian ini mencadangkan supaya lebih banyak usaha dilakukan sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pihak swasta untuk melibatkan komuniti setempat dalam pembangunan agro-pelancongan di tempat mereka bagi membawa aspirasi dan keperluan komuniti setempat, secara tidak langsung program agro-pelancongan ditempat mereka menjadi mampan dan bermanfaat kepada semua penduduk.

Rujukan

- Badaruddin M., (2006). Pembangunan Pelancongan Pulau: Penilaian Kesan Fizikal dan Sosial. Unpublished report, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Eduardo P.L. dan Francisco C.G. (2006). Agrotourism, sustainable tourism and ultraperipheral areas: the case of Canary Islands. *Revista de Turismo y Patrimonio Cultural*. 4, 85-97
- Emily Höckert (2009). Sociocultural sustainability of rural community-based tourism case study of local participation in fair trade coffee trail, Nicaragua. Lapland University Press. Retrieved 20 February 2012 from: http://www.doria.fi/bitstream/handle/10024/67429/B5_H%C3%B6ckert.pdf?sequence=1
- Eshliki, S.A. dan Kaboudi M. (2011). Community Perception of Tourism Impacts and Their Participation in Tourism Planning: A Case Study of Ramsar, Iran. *Procedia– Social and Behavioral Sciences*, 36, 333-341.
- Kalsom K. dan Nor Ashikin M.N. (2006). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah. *Akademika*, 67, 77-102.
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (2007). Profile anugerah desa wawasan nelayan peringkat kebangsaan 2007. Unpublished Book. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
- Muhammad, M., Hamzah A., Mohamed Shaffril, H.A., D'Silva, J.L., Md. Yassin, S., , Abu Samah, B., dan Tiraieyari, N. (2012). Involvement in Agro-Tourism Activities among Fishermen Community in Two Selected Desa Wawasan Nelayan Villages in Malaysia. *Canadian Center of Science and Education*. Asian Social Science; Vol. 8, No. 13; 2012. DOI: <http://dx.doi.org/10.5539/ass.v8n13p239>
- Richard, G. dan Hall, D. (2000). Tourism and sustainable community development. London: Routledge
- Scheyvens, R. (2000). Local involvement in managing tourism. United Kingdom :CABI Publishing. DOI: 10.1079/9780851996110.0229
- Tosun, C. (2000). Limit to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management*. 21, 613-633. DOI: [http://dx.doi.org/10.1016/S0261-5177\(00\)00009-1](http://dx.doi.org/10.1016/S0261-5177(00)00009-1)
- Zainal, R.I. (2007). Meninjau penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pelancongan kajian kes: Kampung Serkat, Pontian, Johor. Unpublished Master Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.

PENGLIBATAN BELIA SIAM DALAM POLITIK KEPARTIAN DI MALAYSIA

Sarjit S. Gill¹, Mohd Razali Harun², Ahmad Tarmizi Talib³

¹*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia,
Emel: sarjit@putra.upm.edu.my*

²*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia,
Emel: ilazar83@yahoo.com*

³*Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,
Emel: tarmizi@putra.upm.edu.my*

Abstrak

Wacana politik di Malaysia masih lagi berlegar dalam lingkungan politik komuniti majoriti semata-mata. Manakala wacana politik komuniti minoriti seakan-akan dipinggirkan. Realitinya, komuniti minoriti juga menyumbang kepada perkembangan politik negara. Pasca Pilihanraya Umum Ke 12 (PRU 12), belia minoriti khususnya dalam kalangan komuniti Siam dilihat sebagai golongan penting dalam mencorak landskap politik negara khasnya menjelang Pilihanraya Umum Ke 13 (PRU 13) kelak khususnya di beberapa buah negeri yang dominan dengan komuniti tersebut seperti Kedah, Kelantan dan Perlis. PRU 12 telah memberikan kesan besar kepada perubahan landskap politik Malaysia. Keputusan PRU 12 menunjukkan bahawa BN sebagai parti pemerintah tewas di Kedah dan masih lagi gagal menawan Kelantan yang mempunyai komuniti Siam paling ramai di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa penglibatan mereka dalam pilihanraya begitu penting dalam membawa perubahan politik. Oleh itu, beberapa persoalan perlu dirungkai terutama berkaitan penglibatan belia komuniti Siam dalam politik. Apakah belia komuniti Siam menyertai parti politik? Apakah jawatan yang mereka sandang? Apakah mereka terlibat dalam program-program politik? Apa yang pasti, penglibatan mereka dalam politik secara langsung bakal memberi impak yang besar dalam PRU 13 yang bakal menjelang kelak.

Kata kunci: Siam, Belia, Komuniti Minoriti, Penglibatan, Politik

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum (Abdul Rahman, 2006; Zaid, 2010) kerana faktor penjajahan oleh kuasa asing seperti Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. Mereka terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli, Sikh, Siam dan lain-lain di Semenanjung manakala Iban, Bidayuh, Kadazan, Dusun, Sama-Bajau dan suku kaum Bumiputera yang lain kecil bilangannya mendiami Sarawak dan Sabah (Abdul Rahman, 2006). Kepelbagaian kaum yang wujud ini memberikan cabaran besar khususnya dalam membangunkan mereka. Mereka perlu diberikan layanan yang adil dan saksama walaupun mereka berbeza kaum, kelas, gender, kepercayaan dan lokasi (Syed Husin, 2004). Ini bermakna bahawa dalam sebuah negara berbilang etnik, semua etnik mempunyai hak yang sama sebagai warganegara misalnya terlibat secara langsung dalam program pembangunan yang dilaksanakan.

Kemajmukan dalam kalangan masyarakat Malaysia kurang diraikan dengan sebaiknya. Jelasnya, perbincangan tentang aspek pembangunan hanya meliputi komuniti yang dominan sahaja, iaitu Melayu, Cina dan India seolah-olah komuniti lain dipinggirkan. Yang pasti, komuniti minoriti seperti komuniti Siam turut menyumbang kepada pembangunan negara. Buktinya, sudah ramai ahli profesional lahir daripada komuniti minoriti ini. Mereka juga turut mengembleng tenaga dalam menyahut seruan pembangunan yang selalu dicanang oleh pihak kerajaan (Sarjit *et al.*, 2012a). Namun begitu, dalam beberapa aspek yang diceburi, komuniti Siam masih ketinggalan dalam beberapa aspek terutama aspek politik.

Penglibatan komuniti Siam terutama golongan belia dalam arena politik begitu penting untuk mengubah landskap politik tanah air. Landskap politik Malaysia telah berubah secara drastik pasca PRU 12 pada tahun 2008 lantaran kekalahan mengejutkan BN, iaitu kehilangan 82 kerusi Parlimen kepada pembangkang (Mohd Noor, 2008; Mohd Fuad *et al.*, 2009; Amer *et al.*, 2011). Tambahan pula, kedua-dua negeri yang mempunyai komuniti Siam berada di bawah kuasa PR. Perkembangan sedemikian akan lebih menarik lagi apabila menjelang PRU13 yang bakal diadakan pada bila-bila masa.

Komuniti Siam

Siam merupakan istilah yang digunakan di sini dalam konteks tempatan dan popular dan keutamaan berbanding istilah 'Thai'. Di Kelantan, istilah 'Thai' merupakan sesuatu yang sangat baru dan jarang digunakan dalam bahasa seharian masyarakat setempat (Mohamed Yusoff, 1980). Namun begitu, terdapat juga sesetengah masyarakat Siam yang kurang selesa dipanggil dengan istilah 'orang Thai' dan mereka lebih selesa dipanggil orang Siam. Ini kerana sesetengah daripada mereka menganggap mereka berasal daripada Mongolia dan bukannya Thailand.

Menurut Mohamed Yusoff (2002) komuniti Siam merupakan penduduk minoriti di Kelantan. Orang Siam di Kelantan adalah seramai kira-kira satu peratus daripada jumlah penduduk tempatan yang sebahagian besarnya adalah orang Melayu. Kehadiran mereka di Kelantan mempunyai sejarah yang agak berbeza daripada kumpulan etnik lain yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Orang Siam telah lama berhijrah ke Kelantan dalam satu zaman

yang mendahului penghijrahan besar-besaran imigran lain, terutama sekali imigran Cina dan India yang datang secara besar-besaran ke Semenanjung Malaysia pada penghujung abad ke 19 dan permulaan abad ke-20.

Komuniti Siam atau Thai merupakan salah satu etnik di Malaysia. Komuniti ini mendiami sesetengah negeri sahaja di Semenanjung Malaysia seperti Perak, Kedah, Kelantan dan Perlis. Menurut Mahadee (2008), penempatan masyarakat Thai Buddha lebih tertumpu di Negeri Kelantan, Kedah dan Perlis. Negeri-negeri tersebut bersempadanan dengan Selatan Thailand. Menurut Kershaw (1984)(dipetik daripada Mohamed Yusoff, 2008), orang Siam tidak seperti golongan etnik lain kerana mereka menikmati beberapa keistimewaan misalnya, dari segi kerakyatan, orang Siam dianggap sebagai penduduk asal, serta diberikan hak yang sama seperti orang Melayu, terutama sekali dalam soal pemilikan tanah dalam kawasan rezab Melayu di bawah Akta Enakmen Tanah 1938. Mereka juga berpeluang melabur dalam Amanah Saham Bumiputra dan Amanah Saham Nasional (Mohamed Yusoff, 2006). Selain itu, pihak kerajaan juga menghargai jasa dan sumbangan komuniti Siam kepada pembangunan negara. Justeru, kerajaan telah melantik wakil komuniti Siam sebagai Senator. Terkini, Boon Som a/l Inong telah dilantik sebagai Senator selama tiga tahun (Berita Harian, 15 Disember 2010).

